

SIARAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

SME Corp. Malaysia Terapkan Pendigitalan Di Kalangan PKS Bumiputera

Bukit Jalil, 30 Mac 2018 – Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui agensinya SME Corp. Malaysia menganjurkan Himpunan Usahawan Bumiputera (HUB) 2018 di Stadium Axiata Arena, Bukit Jalil, Kuala Lumpur yang berlangsung selama dua hari mulai 30 Mac sehingga 31 Mac 2018. HUB 2018 dianjurkan selari dengan langkah untuk mentransformasikan perniagaan PKS termasuk PKS Bumiputera ke arah pendigitalan. HUB 2018 ini telah dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

HUB 2018 mengumpulkan 14,000 PKS Bumiputera dari seluruh negara yang terdiri daripada ahli-ahli di bawah naungan pelbagai persatuan dan pertubuhan berkaitan keusahawanan dan PKS. Program ini juga menyediakan platform jaringan perniagaan yang efektif di kalangan usahawan bumiputera di Malaysia, mempromosikan produk dan perkhidmatan PKS, menyebarkan maklumat mengenai pelbagai insentif dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan serta memberi idea dan inspirasi kepada usahawan baharu.

Penganjuran Program HUB 2018 pada kali ini memperkenalkan aplikasi HUB2018 yang digunakan untuk pendaftaran peserta dan membekalkan segala maklumat mengenai Program HUB 2018 bagi membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat di hujung jari. Bagi menggalakkan transaksi tanpa tunai, aplikasi e-dompet ‘Boost Application’ turut dipromosikan di mana setiap pengunjung HUB 2018 diberi RM20 secara percuma sekiranya memuat naik aplikasi tersebut bagi berbelanja di trak makanan booth jualan PKS yang mempunyai Kod QR Boost. Pengunjung yang menaiki Grab pula diberi diskaun sebanyak RM5 untuk satu perjalanan menggunakan

PROMO CODE: GrabHUB2018. MDEC yang turut serta dalam HUB 2018 juga menggalakkan pendigitalan dengan menyediakan sesi taklimat dan demonstrasi bagi mempromosikan inisiatif-inisiatif eUsahawan, kaunter pendaftaran eUsahawan, studio fotografi untuk eUsahawan mengambil gambar produk secara profesional dan sudut *market place* BLEE (Barangan Luar Biasa Ekslusif eUsahawan). Di samping itu, Microsoft turut memperkenalkan perisian Microsoft 365 untuk usahawan belia.

HUB 2018 juga turut menyaksikan Memorandum Perjanjian dengan Axiata Digital Ecode Sdn. Bhd. dimeterai untuk pelaksanaan Pembangunan Teknologi dan Program e-Wallet untuk men'digital'kan lebih dari 100,000 perniagaan PKS. Ini diikuti dengan penggalakan Inovasi Digital di kalangan peniaga PKS di mana Axiata Group Berhad dan anak-anak syarikatnya Celcom, Axiata Digital Services and Boost juga turut memberi sumbangan korporat berjumlah RM1 juta melalui Program Innovasi PKS dikenali sebagai Axiata Digital Innovation Award dengan kerjasama SME Corp. Malaysia. Selain Axiata, SME Corp. Malaysia juga telah mengadakan pertukaran dokumen MoU dengan beberapa agensi dan syarikat GLC iaitu Johor Corporation, MARA, MAS, PETRONAS, PUNB dan Tabung Haji bagi menggalakkan pembangunan PKS Bumiputera. Sebagai mengiktiraf prestasi cemerlang usahawan, YAB Perdana Menteri telah menyempurnakan majlis penyampaian 4 anugerah iaitu Anugerah Penjaja dan Peniaga Kecil Bumiputera, Anugerah Usahawan Belia Bumiputera, Anugerah Usahawan Wanita Bumiputera dan Ikon Usahawan Bumiputera.

HUB 2018 menyediakan pelbagai aktiviti, antaranya Young CEO Summit, sesi perkongsian usahawan, kaunter informasi, gerai jualan dan aktiviti bersama keluarga juga turut diadakan untuk menarik pengunjung. Program Young CEO Summit dianjurkan selama 2 hari yang mengumpulkan kira-kira 5,000 orang usahawan belia bumiputera untuk sesi perkongsian maklumat dan pembangunan perniagaan oleh penceramah seperti Professor Datuk Dr. Muhaya, Fizo Omar, Abang Abu, Izzue Islam dan Abu Talib Husin. Modul berkenaan keusahawanan, kepentingan media sosial dalam perniagaan, kewangan dan transformasi minda adalah antara modul yang dikongsikan untuk dimanfaatkan oleh usahawan-usahawan belia.

Karnival Jom Niaga pula menyediakan pelbagai aktiviti tarikan pengunjung seperti *street soccer*, *Teh Tarik Challenge*, pertandingan kostum kanak-kanak dan gubahan bunga, pertandingan karaoke, peraduan mewarna, demonstrasi mekap oleh Syed

Dewa, demonstrasi hijab, pertunjukan fesyen, Karnival Satu Daerah Satu Industri (SDSI) dengan penampilan artis-artis terkemuka. Karnival ini dijangka akan menarik lebih 20,000 pengunjung yang terdiri daripada usahawan dan orang awam. Karnival yang dianjurkan di ruang Parkir C, Stadium Nasional Bukit Jalil ini disertai oleh 50 *food truck* dan lebih daripada 250 pempamer yang terdiri daripada PKS, Kementerian dan agensi, institusi kewangan dan syarikat swasta.

Bagi menyediakan platform untuk berbincang dan berdialog dengan Kerajaan, Sesi Interaksi Khas di antara Kementerian dan PKS Bumiputera yang dinamakan Kapsul@HUB turut diadakan. Sesi ini dihadiri oleh YB Tan Sri Noh Haji Omar, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia (KKM) dan YBhg. Datuk Muez Abd. Aziz, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Melalui sesi ini, PKS bumiputera dapat memberikan maklumbalas mengenai inisiatif dan program-program sedia ada serta mencadangkan penambahbaikan kepada pihak kementerian berkaitan.

HUB 2018 turut dihadiri oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri; YB Datuk Ahmad bin Haji Maslan, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri; YBhg. Tan Sri Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Abdul Majid, Pengurus, SME Corp. Malaysia; YBhg. Datuk (Dr.) Hafsa Hashim, Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia dan agensi-agensi MITI.

HUB 2018 dianjurkan dengan kerjasama rakan-rakan strategik seperti TERAJU, MDEC, MIDF, SME Bank, Bank Rakyat, Boost, Naza, Microsoft, Huawei, Bosseven Group, SYM, DRB-HICOM, Johor Corporation, KPJ Healthcare Berhad, ABX Express, Grab, TEKUN Nasional, Petronas, Hyraxoil Sdn. Bhd., Mydin, Siti Khadijah Apparel Sdn. Bhd. dan MKRS Bumi (M) Sdn. Bhd.

- Tamat -

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Nor Azian Md Yusof di 03-2775 6174 (azian@smeCorp.gov.my) atau Amy Sarah Ahmad Fuad di 03-2775 6352 (amysarah@smeCorp.gov.my).

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(SME CORP. MALAYSIA)

Level 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral,
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia
Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001
<http://www.smecorp.gov.my>
e-mail: info@smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.